

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMASA TAKLIMAT PERSEDIAAN ISTIADAT PEMASYHURAN TUANKU CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM KE BAWAH DYMM TUANKU CANSELOR KUKUM PADA 8 MAC 2004 DI DEWAN KEIKHLASAN KUKUM.**

---

ASSALAMUALAIKUM W.B.T.,

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK HARAP DIAMPUN.

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI PIHAK SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INGIN MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI TUANKU BERDUA BERANGKAT KE MAJLIS TAKLIMAT ISTIADAT PEMASYHURAN TUANKU CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM INI. SESUNGGUHNYA KEBERANGKATAN TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI KE MAJLIS INI MEMBERI MAKNA YANG BEGITU BERERTI BAGI KAMI DI KUKUM.

AMPUN TUANKU,

PATIK JUGA MEMOHON IZIN TUANKU BERDUA UNTUK MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN YANG BERHORMAT DATO' MOHIYADDIN CHE JAN, SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS KE MAJLIS TAKLIMAT INI.

AMPUN TUANKU,

PATIK DENGAN RENDAH DIRI DAN PERASAAN YANG TERAMAT BANGGA DI ATAS PERLANTIKAN TUANKU SEBAGAI CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA. BAGI MENERUSKAN KESINAMBUNGAN TRADISI SEPERTI MANA UNIVERSITI LAIN DI DUNIAINI, PEMASYHURAN TUANKU DENGAN INI SECARA RASMINYA MEMBERI KUASA KEPADA TUANKU MEMPENGERUSIKAN KONVOKESYEN, MELAKSANAKAN APA-APA KEWAJIPAN SEPERTI MANA YANG DIPERUNTUKAN OLEH PERLEMBAGAAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971.

AMPUN TUANKU,

ISTIADAT PEMASYHURANINI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENZAHIRKAN PERLANTIKAN TUANKU SEBAGAI CANSELOR KUKUM. IA SATU PERISTIWA YANG AKAN TERPAHAT DALAM LEMBARAN SEJARAH PENDIDIKAN NEGARA UNTUK DIKENANG SELAMA-LAMANYA. PATIK PERCAYA DENGAN KEBIJAKSANAAN, TUANKU MAMPU MEMBAWA KUKUM MENJADI SEBUAH UNIVERSITI YANG TERSOHOR DARI SEGI KUALITI GRADUAN YANG TERHASIL DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN, BAIK DI DALAM MAHUUPUN DI LUAR NEGARA. INSYAALLAH, ISTANA MAMPU DIDIRIKAN DI AWAN KELAK.

AMPUN TUANKU,

DALAM HASRAT MEREALISASIKAN ISTIADAT PEMASYHURAN TUANKU SEBAGAI CANSELORINI, PIHAK KUKUM TELAH PUN MEMBUAT PERANCANGAN YANG BEGITU RAPI SERTA TERPERINCI BERMULA DARI PERTENGAHAN TAHUN 2003 LAGI. SEJURUS MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PERLANTIKAN TUANKU SEBAGAI CANSELOR PADA BULAN NOVEMBER YANG LALU, JAWATANKUASA INDUK ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN MAJLIS KOMEMORATIF KUKUM TELAH DITUBUHKAN DAN DIPENGERUSIKAN OLEH PATIK SENDIRI. JAWATANKUASAINI BERTANGGUNGJAWAB DI DALAM MERANGKA, MENYUSUN, DAN MEMBUAT PERSEDIAAN UNTUK ISTIADAT PEMASYHURAN TERSEBUT. ANTARA LAIN JAWATANKUASA JUBAH, COKMAR DAN PERABOT TELAH DITUBUHKAN. BAK KATA BIJAK PANDAI KALAU MAHU KE MAJLIS BIAR TUBUH BERSIAP DIRI.

SELAIN DARIPADA ITU BEBERAPA JAWATANKUASA KECIL LAIN JUGA TELAH DITUBUHKAN UNTUK MEMASTIKAN KELICINAN PERJALANAN ISTIADAT TERSEBUT. MEREKA TELAH BERTUNGKUS LUMUS MENYULAM IDEA BAGI

MENJADIKAN ISTIADAT PADA 17HB JULAI 2004 KELAK SESUATU YANG BEGITU BERMAKNA.

AMPUN TUANKU,

UNTUK PENGETAHUAN TUANKU, PERSEDIAAN KELENGKAPAN SEPERTI JUBAH, COKMAR DAN PERABOT PADA MASA INI BERADA DIPERINGKAT TERAKHIR IAITU PROSES PENAWARAN TENDER. BAGI MENDAPATKAN PENJELASAN YANG LEBIH MENDALAM, PENGERUSI SETIAP JAWATANKUASA TERSEBUT AKAN MEMBUAT PEMBENTANGAN MEREKA SEBENTAR LAGI.

SELAIN DARI ITU, BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT TERSEBUT, JAWATANKUASA INDUK JUGA MERANCANG UNTUK MENGADAKAN MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA TUANKU CANSELOR PADA 16HB JULAI NANTI IAITU SEHARI SEBELUM PEMASYHURAN TUANKU. PATIK JUGA DENGAN RASA RENDAH HATI INGIN MEMAKLUMKAN KEPADA TUANKU, PIHAK JAWATANKUASAINI JUGA MERANCANG UNTUK MENJEMPUT KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN DULI YANG MAHA MULIA RAJA PERMAISURI AGONG BAGI MENCEMAR DULI UNTUK TURUT BERANGKAT BERSAMA KITA PADA MAJLIS TERSEBUT.

SEPERTI MANA ADAT DIRAJA DAHULUKALA, PASTI BERKAMPUNG BERPESTA BAGI MERAIKAN RAJA MEREKA. BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMASYHURAN TUANKU, PIHAK JAWATANKUASA JUGA TELAH MERANCANG MENGADAKAN PESTA PERMASYHURAN TUANKU SEBAGAI CANSELOR KUKUM UNTUK TURUT SERTA DIKONGSI BERSAMA RAKYAT JELATA.

PESTA TERSEBUT AKAN DIADAKAN SELAMA LIMA HARI BERMULA DARI 14HB JULAI HINGGA 18HB JULAI BERTEMPAT DI PERKARANGAN STADIUM DATO' SHIEKH AHMAD, KANGAR DAN AKAN DIRASMIKAN OLEH TUANKU SENDIRI MANAKALA MAJLIS PENUTUPNYA AKAN DISEMPURNAKAN OLEH MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA.

DALAM PESTA KONVO ITU NANTI AKAN DIADAKAN PAMERAN KERJAYA IPTA DAN IPTS, PAMERAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, GERAI JUALAN, PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN, PERTANDINGAN MENCINTA ROBOT DAN LAIN-LAIN LAGI.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PENGENALAN PATIK. AKHIR KATA SEKALI LAGI PATIK MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA DULI TUANKU BERDUA BERANGKAT KE MAJLIS TAKLIMAT ISTIADAT PEMASYHURANINI. PATIK SUDAHI DENGAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM W.B.T.